

# Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966) Persengketaan Dua Negara Serumpun

## [Confrontation Between Malaysia and Indonesia (1963-1966) The Feud of Two Allied Countries]

Abdul Rahman Mad Ali @ Abang<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu dan Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700 Penang, MALAYSIA.  
Email: manabdulrahm@usm.my

\*Corresponding Author: manabdulrahm@usm.my

**BITARA**

Volume 7, Issue 1, 2024: 92-103  
© The Author(s) 2024  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 30 December 2023  
Accepted: 10 January 2024  
Published: 2 February 2024

### Abstrak

Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia adalah satu pergolakan politik di antara dua negara serumpun di rantau Asia Tenggara. Penyelesaian secara rundingan tidak dapat diterima sepenuhnya oleh Indonesia. Tindakan agresif dengan menggerahkan pasukan tenteranya telah bertindak melakukan serangan gerila di perbatasan Sarawak dan Sabah. Tindakan tentera Indonesia ini lebih berunsur provokasi atau kekecohan terhadap Malaysia, khususnya untuk menguji kekuatan pertahanan Malaysia. Persoalannya Konfrontasi didefinisikan dari pelbagai perspektif dari sarjana, kuasa besar, Indonesia cenderung melihat dari makro perspektif. Oleh itu, penulisan ini cuba mengetengahkan perspektif sejarah dari bawah mengenai sejarah Konfrontasi diantara Indonesia terhadap Malaysia khususnya di kawasan sempadan Malaysia di Borneo khususnya sempadan Sarawak Kalimantan Barat (Kalbar) dan Sempadan Sabah-Kalimantan Timur (Kalbar). Kaedah dan bahan yang digunakan adalah kualitatif secara deskriptif, di dahului dengan kajian kepustakaan, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, kajian arkib melibatkan Arkib Negeri Sabah, Arkib Negara Malaysia, Muzium Tentera Darat, National Archive British, National Archive Australia, Memorial War Australia dan temubual dengan veteran tentera, paramiliter dan masyarakat sempadan Sarawak dan Sabah Akhirnya, hasil dari penulisan ini mengetengahkan satu sudut pandang sejarah dari bawah yakni (realiti yang berlaku di kawasan sempadan Malaysia di Borneo) yang menjelaskan situasi sebenar konfrontasi di Sarawak dan Sabah.

**Kata kunci:** Konfrontasi, pencerobohan tentera Indonesia, Sarawak dan Sabah

### Abstract

Indonesia's confrontation with Malaysia is a political turmoil between two allied countries in the Southeast Asian region. A negotiated settlement cannot be fully accepted by Indonesia. Aggressive action by mobilizing its troops to carry out guerrilla attacks on the border of Sarawak and Sabah. The Indonesian military's actions are more provocative or tumultuous against Malaysia, especially to test Malaysia's defense strength. The question of Confrontation is defined from various perspectives from scholars, superpowers, Indonesia tends to see from a macro perspective. Therefore, this paper tries to highlight the historical perspective from below on the history of the Confrontation between Indonesia and Malaysia, especially in the Malaysian border area in Borneo, especially the Sarawak border of West Kalimantan (West Kalimantan) and Sabah-East Kalimantan (West Kalimantan) border. The methods and materials used are qualitative and descriptive, preceded by a library study, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, archival study involving Sabah State Archives, National Archives of Malaysia, Army Museum, British National Archive, Australian National Archive, Australian War Memorial and interviews with military veterans, paramilitaries and the Sarawak and Sabah border communities Finally, the results of this writing

highlight a historical perspective from below (the reality of the Malaysian border in Borneo) which explains the real situation of the confrontation in Sarawak and Sabah .

**Keywords:** Confrontation, military invasion of Indonesia, Sarawak and Sabah

**Cite This Article:**

Abdul Rahman Mad Ali @ Abang. (2024). Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966) Persengketaan Dua Negara Serumpun [Confrontation Between Malaysia and Indonesia (1963-1966) The Feud of Two Allied Countries]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(1): 92-103.

## Pengenalan

Malaysia merdeka pada 31 Ogos 1957 (Malaya). Malaysia terbentuk pada 16 September 1963 (*Anak Sabah*, 16 September 1963; *Sabah Times*, 16 September 1963; James Harold, Small Shell, 1991; Kunassalen Muniandi, 1996). Malaysia terdiri dari Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak (Malaysia Agreement, 1963). Pembentukan Malaysia membawa kepada penentangan Rejim Sukarno Indonesia (Nik Anuar Nik Mahmud, 2000; Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, Bilcher Bala, 2016; Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, Bilcher Bala, 2016). Konfrontasi Indonesia-Malaysia 1963-1966 adalah merupakan satu peristiwa pergolakan politik dan tentera antara dua negara serumpun di rantau Nusantara ini. Kemunculan agenda pembentukan Malaysia atau penyatuan negara Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) dengan tanah jajahan mahkota atau naungan British di Sabah dan Sarawak pada tahun 1961 telah mendapat bantahan daripada kerajaan negara jiran Indonesia. Penentangan ini kemudiannya dikenali sebagai Konfrontasi. Konfrontasi dilancarkan dalam bentuk politik & ketenteraan (Nick Van Der Bijl, 2007). Malaysia menerima ancaman Konfrontasi dan berusaha untuk mempertahankan kedaulatannya sebagai sebuah negara yang berdaulat menjadi penelitian kajian ini. Di samping itu, bantahan juga datang daripada kerajaan Filipina. Walau bagaimanapun, dengan mengetepikan pendekatan diplomasi secara damai, pihak kerajaan Indonesia di bawah pimpinan Presiden Sukarno telah menganjurkan satu gerakan bantahan secara kekerasan terhadap mahkota British di Borneo tersebut. Presiden Sukarno dikatakan mempunyai gagasan untuk menentang unsur penjajahan di Nusantara. Beliau melihat negaranya sebagai kuasa utama di rantau ini.

Membicarakan mengenai Konfrontasi, ianya sangat signifikan dengan isu pertahanan dan keselamatan Malaysia (Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, 1980; Rozeman Abu Hassan, 2003). Hal ini dengan jelas memperlihatkan isu kedaulatan dan keselamatan bukanlah satu isu yang boleh diambil ringan. Pencerobohan dan serangan tentera mencemar maruah sesebuah negara yang merdeka. Beritik tolak dari itu, pencerobohan dan serangan Tentera Indonesia ke atas wilayah Malaysia Timur khususnya (Sabah dan Sarawak) telah mencetuskan ketegangan melibatkan ketenteraan antara Malaysia dengan Indonesia (Nick Van Der Bijl, 2007). Dalam pada itu, di peringkat domestik, Indonesia memerlukan satu pendekatan politik (Parti Nasional Indonesia, Nahdlatul Ulama, Parti Majelis Syuro Muslimin Indonesia dan Parti Komunis Indonesia). Dalam Kabinet Gotong Royong dan Dewan Nasional. Gabungan faktor gagasan semangat serantau dan masalah domestik telah membawa perhatian Indonesia diarahkan kepada agenda penubuhan Malaysia dari 16 September 1963. Justeru, Indonesia telah

mengambil langkah agresif dengan melancarkan kempen Ganyang Malaysia dari tahun 1963 hingga berakhir pada tahun 1966.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan pendekatan deskriptif. Selain itu, kajian ini turut menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan kajian Arkib. Penelitian dalam kajian arkib turut dijalankan di Arkib Negeri Sabah, Arkib Negara Malaysia dan Muzium Tentera Darat Malaysia. Kaedah temubual juga turut digunakan dalam kajian ini khususnya mendapatkan maklumat daripada veteran yang terlibat bagi menjelaskan situasi kajian tersebut untuk lebih jelas mengenai kajian ini. Selain itu kajian turut melibatkan kerja lapangan khususnya untuk menjelaki dan melihat kesan dan sebarang peninggalan dari pertempuran pihak keselamatan dan pertahanan Malaysia di kawasan sempadan di Sarawak-Kalimantan Barat (Kalbar) dan Sabah-Kalimantan Timur (Kaltim).

## Konfrontasi 1963-1966 Indonesia Terhadap Malaysia

Pada era Konfrontasi, Sarawak dan Sabah menjadi sasaran utama tindakan yang paling ketara ialah tindakan subversif tentera Indonesia ke atas Sarawak dan Sabah pada tahun 1963. Pasukan tentera Indonesia di bawah Rejim Sukarno telah bertindak menceroboh dan menyerang sempadan Sarawak dan Sabah (Malaysia Reportt of The Inter-Governmental Committee, 1963; Kertas Putih, *Malaya-Indonesia Relations*, 1963; Kertas Putih, *Malaya-Philippine Relations*, 1963; Kertas Putih, *Indonesian Aggression Against Malaysia*, 1965; Kertas Putih, *The Threat Of Armed Communism In Sarawak*, 1972). Antara kawasan sempadan Sarawak dan sempadan Sabah menjadi kawasan yang paling kerap menerima ancaman pencerobohan dan serangan tentera Indonesia dan sukarelawannya terutama sekali di kawasan sempadan. Dalam tempoh tahun 1963 hingga 1966, 116 siri serangan di Sarawak, manakala Sabah sebanyak 61 siri serangan telah dilakukan oleh tentera Indonesia di Sempadan Sarawak-Kalimantan Barat (Kalbar) terdiri dari lima bahagian diantaranya bahagian satu, bahagian dua, bahagian tiga, bahagian empat dan bahagian lima (Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, 2012). Manakala sempadan Sabah-Kalimantan Timur (Kaltim) terdiri dari dua Residensi yang utama terlibat diantaranya Residensi Tawau dan Residen Pendalaman. Dalam tempoh tahun 1963 hingga 1966, 116 siri serangan di Sarawak, manakala Sabah sebanyak 61 siri serangan telah dilakukan oleh tentera Indonesia (Kertas Putih, *Indonesian Aggression Against Malaysia*, 1965; Kertas Putih. P/PEN 3, *The Pattern off Indonesian Aggression by Dato' Mohd.Ghazali Bin Shafie*, 1964 ). Beberapa serangan tersebut telah mendapat tentangan dan berjaya dipatahkan oleh pihak tentera Malaysia (Syed Othman Syed Omar, 1999). Tindakan tentera Indonesia ini lebih berunsur provokasi atau kekecohan terhadap Malaysia, khususnya untuk menguji kekuatan pertahanan Malaysia. Pelbagai perspektif cuba diberikan oleh sarjana, kuasa besar, Indonesia dan Malaysia untuk menjelaskan bentuk perang konfrontasi ini.

## Konfrontasi Indonesia dari Perspektif Sarjana

Menurut Douglas Hyde "konfrontasi adalah satu konflik yang pahit, tiada tolak ansur dan berbahaya. Ia merupakan satu bentuk baru pertelagahan antara negara dan memperkenalkan perkataan baru bagi menghuraikannya" (Syed Othman Syed Omar, 1999). Hal ini bukanlah satu pertelagahan sempadan tidak juga satu perselisihan antara puak dari keturunan yang berbeza. Konfrontasi turut menyaksikan pertembungan bukan sahaja angkatan bersenjata kedua-dua buah negara tetapi turut melibatkan tentera negara lain seperti tentera negara Komanwel yang terdiri daripada Britain, Australia New Zealand dan Fiji dalam satu perang yang tidak diisyiharkan. Namun pengertian Konfrontasi mengikut kamus dewan membawa maksud gambaran keadaan (saling berhadapan) di antara dua orang (pihak, negeri dan lain-lain) yang bertentangan (berselisih, bermusuhan) atau pertentangan (permusuhan) secara langsung yang menyebabkan orang atau pihak yang terlibat menghadapi kemungkinan berlakunya pergaduhan (perang dan sebagainya) (Syed Othman Syed Omar, 1999).

Mackie pula menyatakan tentang konfrontasi ini lebih kepada konflik dalam melibatkan dua antara negara serumpun. Ia sama seperti mana wayang drama yang tergambar kemudiannya dikenali sebagai "konfrontasi" yang digerakkan oleh perilaku sekumpulan lawan lain yang masing-masing hidup pada peringkat tertinggi dalam peraturan. Mengambil hati salah satu daripada perdebatan secara lisan atau perang psikologi yang mana kuasa ghaib menentukan senjata (Mackie, 1974). Konfrontasi pada pandangan Sukarno mungkin mempunyai beberapa sebab dan merasakan bahawa British telah merencanakan pembentukan Malaysia tanpa membuat pertimbangan untuk mendapatkan pandangan Indonesia. Tetapi dari aspek yang lain lebih hebat dengan alasan bahawa ia memutuskan untuk menolak pembentukan Malaysia dan bersedia untuk melancarkan "konfrontasi" bersenjata selepas pengisytiharan sebuah negara baru pada bulan September 1963 (Donald E.Nuechterlein, 1968).

Sarjana James, Harold dan Denis, Sheil-Small serta Will, Flower mempunyai pendapat yang sama mengenai Konfrontasi. Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia didefinisikan sebagai salah satu bentuk "perang yang dirahsiakan" atau *secret war* dalam erti kata lain perang yang tidak pernah diisyiharkan (Will Flower, 2006). Nick Van Der Bijl dengan terang menyatakan bahawa konfrontasi itu lebih sesuai didefinisikan sebagai satu bentuk perang Indonesia terhadap Malaysia (Nick Van Der Bijl, 2007). Terdapat persamaan dalam kalangan ketiga-tiga sarjana ini khususnya dalam menyatakan mengenai permulaan Konfrontasi itu sebenarnya bermula seawal sebelum pembentukan Malaysia dengan mengambil permulaan setelah tercetusnya pemberontakan di Brunei atau Revolusi Brunei pada tahun 1962 (Mackie, 1974 ; J. D. Legge, ; Ramlah Adam, 2004; Will Flower, 2006; Nick van der Bijl, 2007). James, Harold dan Denis, Sheil-Small turut berpendapat bahawa konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia dianggap salah satu bentuk perang yang agak besar sama seperti mana yang berlaku terhadap perang Korea dan Vietnam (James Harold dan Denis Sheil-Small, 1991).

Namun, Jan M. Pluvier dalam bukunya *A Study In Indonesia Politics Confrontations* menyatakan bahawa konfrontasi sebenarnya tidak bertujuan untuk mengambil mana-mana wilayah Malaysia. Sebaliknya, Konfrontasi dilancarkan bagi mengelakkan daripada berlakunya revolusi sosial di Indonesia (Syed Othman Syed Omar, 1999). Indonesia telah berjaya dimerdekakan melalui proses revolusi pada 17 Ogos 1945 di bawah pimpinan Sukarno (Syed

Othman Syed Omar, 1999). Kemerdekaan ini dua belas tahun lebih awal daripada Tanah Melayu. Sebaliknya, Tanah Melayu telah mendapatkan kemerdekaannya di meja perundingan di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra pada 31 Ogos 1957 (Syed Othman Syed Omar, 1999).

Matthew, Jones pula melihat konfrontasi ini sebagai sebuah konflik yang antara terpenting di rantau Asia Tenggara pada ketika itu. Konfrontasi seperti mana yang ditegaskan oleh Matthew, Jones memperlihatkan keterlibatan negara Barat khususnya Britain dan Amerika Syarikat terhadap dasar konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia (Matthew, Jones, 2002). Selain Konfrontasi Barat khususnya Amerika Syarikat juga turut terlibat dalam konflik di Vietnam. Dalam masa yang sama turut memandang konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia terdedah kepada menularnya situasi ketegangan di rantau Asia Tenggara. Menyedari akan hakikat itu, Amerika Syarikat dan sekutunya Britain berusaha mencari alternatif dalam penyelesaian antara Malaysia dan Indonesia. Diplomasi menjadi pilihan Amerika Syarikat dan British namun ianya telah gagal akibat keengganan Sukarno ke meja rundingan. Keadaan bertambah buruk apabila Sukarno bertindak tegas akan berusaha menentang Malaysia dengan Ganyang Malaysia yang dianggap sebagai *neo-colonialism*.

David, Easter melihat Konfrontasi ini berdasarkan perspektif daripada British (David Easter, 2001). Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia merupakan satu bentuk ancaman kedaulatan terhadap kemerdekaan negara bekas jajahan Britain. Pencerobohan Indonesia terhadap Malaysia dilihat satu bentuk ancaman perang dari Indonesia telah mengheret ke dalam konflik bersenjata di kawasan sempadan khususnya di Borneo. Penglibatan Britain ini mempunyai hubungan timbal balik berikutan Malaysia sebelum itu telah menandatangani perjanjian pertahanan dengan Britain. Meski pun, Malaysia telah mengisyiharkan kemerdekaan daripada British namun tanggungjawab dalam hal ehwal pertahanan dan keselamatan pada ketika itu masih terikat dengan Britain. Jangka masa yang dikaji oleh David, Easter dalam bukunya bermula pada tahun 1960 hingga berakhirnya Konfrontasi pada tahun 1966 dengan mengambil kira Revolusi Brunei sebagai titik tolak bermulanya dasar konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia.

Nik Anuar Nik Mahmud adalah satu-satunya sarjana Malaysia yang memfokuskan penulisan mengenai Konfrontasi Malaysia Indonesia menjadi pelopor kepada kajian mengenai Konfrontasi Malaysia-Indonesia (Nik Anuar Nik Mahmud, 2000). Selain Indonesia, Filipina turut menentang penubuhan Malaysia. Filipina, menentang kemasukan Sabah ke dalam Malaysia atas alasan bahawa wilayah itu dituntut menjadi miliknya. Mujurlah, kebijaksanaan barisan pemimpin Malaysia di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman telah berjaya menyelamatkan negara daripada bencana perang dengan bangsa serumpun. Pemimpin kanan Tunku Abdul Rahman yang menjadi tulang belakang termeterainya Perjanjian Damai konfrontasi seperti Tun Abdul Razak merangkap Timbalan Perdana Menteri dan Tan Sri Ghazalie Shafie selaku Setiausaha Tetap Kementerian Luar. Sebaliknya di sebelah pihak Indonesia terdiri dari pemimpin kanan seperti Adam Malik merangkap Menteri Luar Indonesia dan Jeneral Ali Moertopo di Bangkok dan Jakarta pada 11 Ogos 1966.

Setakat ini, Hidayat Mukmin merupakan antara sarjana Indonesia yang menghasilkan penulisan mengenai konfrontasi Indonesia-Malaysia. Namun, penelitian yang dilakukan oleh Hidayat ini lebih banyak difokuskan kepada keterlibatan Tentera Nasional Kalimantan (TNI) dalam politik luar negeri (Hidayat Mukmin, 1991). Konfrontasi pada ketika itu lebih banyak

dipengaruhi oleh Parti Komunis Indonesia (PKI) mendesak akan perlunya penentangan terhadap Malaysia yang dianggap sebagai perencanaan barat dalam usaha mengepung Indonesia (*National Intelligence Estimate*, 1963) (*The Malaysia-Indonesia Conflict, National Intelligence*, 1963). Konfrontasi kelihatan mula susut akibat pemberontakan 30 September 1965 yang dianggap angkara PKI. Implikasi peristiwa hitam dalam lembaran sejarah Bangsa Indonesia telah mendesak Suharto untuk bertindak dengan pantas bagi mengatasi hal tersebut. Rentetan daripada itu, peralihan tumpuk pemerintahan Suharto dari Sukarno telah membawa gelombang perubahan dasar Indonesia yang dahulunya bertegas kepada Ganyang Malaysia kepada usaha damai Malaysia-Indonesia telah meletakkan Suharto tokoh yang paling berpengaruh dalam ABRI khususnya dan Indonesia amnya.

Konfrontasi yang dalam konteks kajian ini akan membincangkan suatu bentuk persengketaan atau konflik antara dua negara atau lebih yang menggunakan segala cara kecuali perang terbuka (Hidayat Mukmin, 1991). Jika diperincikan dari subjeknya, pihak yang terlibat dalam Konfrontasi sebenarnya bukan hanya dua, melainkan tiga negara yakni Indonesia, Malaysia dan Filipina. Keterlibatan Filipina dalam Konfrontasi agak berbeza berbanding dengan Indonesia kerana tidak menggunakan istilah ‘konfrontasi’, sebaliknya menggunakan istilah tuntutan ke atas Sabah (Kertas Kerajaan, *Malaya-Philippine Relations*, 1963). Meneliti lebih lanjut mengenai Konfrontasi yang lebih ketara adalah situasi kritikal di kawasan sempadan Sarawak-Kalbar dan Sabah-Kaltim melibatkan tentera Malaysia, Komanwel, pasukan paramiliter Malaysia, menentang pencerobohan tentera Indonesia.

## Konfrontasi Indonesia dari Perspektif Kuasa Besar

Konfrontasi Malaysia-Indonesia telah menimbulkan suasana genting di rantau Asia Tenggara sekitar tahun 1963-1966 (Kertas Kerajaan, *Malaya-Philippine Relations*, 1963; Greg Poulgrain, 1998 ; Ramlah Adam, 2004; Tunku Abdul Rahman Putra, 1980; Gordon Bernand, K , 1966 ; Micheal Leifer, 1968; J.Saravanamutu, 1983; Milne, RS. 1967; George, Mc. T. Hakin, 1964; Richard, Butwell, 1964). Hal ini berlaku dalam era Perang Dingin yang mana dua pengaruh kuasa dunia melibatkan blok komunis dan blok kapitalis masing-masing ingin meluaskan pengaruh mereka. Senario konfrontasi ketika itu telah menarik perhatian pihak barat khususnya dalam usaha membendung pengaruh komunis di rantau Asia Tenggara yang mula bertapak di Vietnam. Konfrontasi telah menyebabkan pelbagai perspektif dari kuasa besar khususnya British, Amerika Syarikat, Soviet Union dan China adalah antara negara yang memandang serius tindakan agresif Indonesia mencerobohi wilayah Malaysia.

Pada perspektif British, konfrontasi ini adalah satu dasar pencerobohan dan ancaman terhadap kemerdekaan Malaysia (Yeow Tong Chia, 2005). Konfrontasi merupakan salah satu bentuk perang yang tidak pernah diisytiharkan atau *secret war* yang berlaku di antara tentera Malaysia, tentera Komenwel dengan Tentera Indonesia di sempadan Sabah-Kaltim dan Sarawak Kalbar (James Harold, Denis Sheil-Small, 1991; Nick Van Der Bijl, 2007). Jauh daripada itu, konfrontasi dilihat sebagai ancaman kepada kepentingan British di tanah bekas jajahannya.

Selain itu, rasa tanggungjawab British yang mana sebelum itu telah pun menandatangani ikatan perjanjian pertahanan *Anglo Malaysia Defence Agreement* (AMDA)

telah bangkit membantu Malaysia dalam aspek pertahanan (ketenteraan) dan membendung pencerobohan wilayah Malaysia (Chin Kin Wah, 1983).

Amerika Syarikat pula melihat Konfrontasi ini sebagai satu bentuk ancaman keselamatan di Asia Tenggara perlu usaha segera untuk menyelesaiannya (John Subrizky, 2000). Konfrontasi menurut perspektif Amerika Syarikat lebih kepada andaian kebimbangan akan menularnya pengaruh komunis di Indonesia khususnya dan rantau Asia Tenggara amnya (Peter Dale Scott, 1985). Dalam masa yang sama, Amerika Syarikat pada ketika itu turut terlibat secara langsung dalam Perang di Vietnam melihat konfrontasi terhadap Malaysia oleh Indonesia perlu untuk diselesaikan dengan secepat mungkin (Matthew, Jones 2002; Donald E, Erlein, 1968). Malah keadaan bertambah getir apabila Indonesia dilihat cenderung untuk mendapatkan bantuan persenjataan Soviet Union setelah Amerika Syarikat memberhentikan bantuan ekonomi kepada Indonesia kerana keengganannya menarik keluar tenteranya dari wilayah Malaysia (Hal, Kosat, 1960). Kebimbangan ini turut bersangkutan paut dengan dasar pertahanan Amerika Syarikat yang mana ingin menjadikan Indonesia sebagai negara penampang andainya Soviet Union atau pun China menyerang Amerika Syarikat.

Soviet Union pula melihat Konfrontasi sebagai salah satu peluang terbaik dalam menyebarkan ideologi komunis (Dake Antonie C.A, 1973). Soviet Union ketika itu lebih menumpukan kepada nasionalisme radikal terhadap imperialisme amat kuat menyokong perang pembebasan kebangsaan bagi negara dunia ketiga (Subritzky, John, 2000). Konfrontasi menjadi elemen penting menularnya pengaruh komunis di Indonesia yang banyak dipengaruhi oleh PKI yang menjadi salah satu parti yang mempunyai keahlilan terbesar di Indonesia. Kita sedia maklum, PKI adalah antara parti politik terbesar di Indonesia pada ketika itu, malah menjadi tulang belakang mengheret Indonesia kepada konflik serumpun dengan Malaysia. Situasi politik PKI boleh dieksplorasikan oleh Soviet Union untuk mengukuhkan lagi pengaruh Komunis di Indonesia.

Konfrontasi juga turut memperlihatkan keterlibatan China secara tidak langsung (Crouch, Harold, 1978). Ketika Konfrontasi, China dilihat lebih condong kepada Indonesia (Hal, Kosat, 1960; Justus M. Van Der Kroef, 1964). China sangat bersemangat untuk membantu PKI untuk memperoleh kuasa dalam politik Indonesia. Sebagai Parti Komunis yang terbesar di luar blok sosialis, kedudukan PKI sangat penting bagi China dalam persaingannya dengan Soviet Union untuk merebut simpati dan dukungan daripadanya (Dake Antonie C.A, 1973). PKI adalah organisasi pertama di Indonesia yang mengeluarkan pernyataan menentang rancangan pembentukan Malaysia (*Kertas Putih, Malaya-Indonesia Relations*, 1963).

## Konfrontasi Indonesia Sejarah dari Bawah


Scenario yang jelas berlaku ketika Konfrontasi Indonesia - Malaysia ialah isu pencerobohan Tentera Indonesia ke atas wilayah Malaysia di Borneo, lihat Peta 1.1 dan Peta 1.2. Keadaan ini telah menimbulkan ketegangan melibatkan kedua belah pihak khususnya di kawasan Sempadan Sabah-Kalimantan Timur (Kaltim). Pertempuran melibatkan tentera Malaysia, tentera Komanwel dan pasukan paramilitar menentang Tentera Indonesia. Menyedari akan hakikat itu, kajian ini menjadi satu wadah untuk merungkaikan hal tersebut bagi memperjelaskan realiti sebenar di Sempadan Sabah-Kaltim dan Sarawak-Kalbar. Hak mempertahankan kedaulatan

milik setiap negara berdaulat di dunia ini. Dalam Konteks Konfrontasi, Malaysia hanya mempertahankan kedaulatannya sebagai sebuah negara yang berdaulat. Malaysia pada peringkat awalnya lebih banyak bertahan 1963 (Nick Van Der Bijl, 2007).

Malaysia telah membuat aduan kepada Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) bagi memperjelaskan tindakan subversif tentera Indonesia menceroboh dan menyerang wilayahnya khususnya di Borneo (Nik Anuar Nik Mahmud, 2000), lihat foto 1.1 dan Foto 1.2. Pada tahun 1964, Malaysia telah membentuk satu bentuk strategi pertahanan bagi memperkuatkan pertahanan di Borneo. Oleh itu pada tahun 1964, Operasi Claret telah rangkah khusus bagi membendung pencerobohan dan penyerangan Tentera Indonesia di sempadan Malaysia dengan Indonesia di Borneo (Raffi Geogorian, 1991; Thomas M. Carlin, 1994; Nick Van Der Bijl, 2007; Will Flower, 2006). Malaysia menyerang merentas sempadan Indonesia di Kalimantan Indonesia sekitar tahun 1964-1966 (Thomas Carlin, 1994).

Tindakan yang diambil Malaysia setelah melihat kesungguhan pencerobohan dan serangan tentera Indonesia di kawasan sempadan memaksa Malaysia mempertahankan kedaulatannya dengan sedaya upaya. Mengaktifkan perjanjian pertahanan *Anglo Malaysian Defence Agreement* (AMDA) membantu mempertahankan Malaysia khususnya di Sarawak dan Sabah. Tindak balas British telah melancarkan operasi khusus yang kemudiannya di kenali dengan Operasi Claret 1964-1966 tindakan Malaysia ke atas dasar Ganyang Malaysia oleh Rejim Sukarno.

### Foto 1.1




Sumber: Ehsan Muzium Tentera Darat Malaysia, (2018).

**Foto 1.2**

Sumber: Ehsan Muzium Tentera Darat Malaysia, (2018).

Foto 1.1 dan 1.2: Perdana Menteri Malaysia Pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj memeriksa beberapa senjata dari Tentera Indonesia yang berjaya dirampas oleh pasukan pertahanan dan keselamatan Malaysia.



Peta 1.1: Lokasi Pencerobohan dan Pertempuran disempadan Sarawak-Kalbar dan Sabah-Kaltim. Sumber: Will Flower, (2006).

## Kesimpulan

Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia adalah episod penting dalam lipatan Sejarah Malaysia (pasca merdeka). Selepas pembentukan Malaysia 16 September 1963, Konfrontasi menjadi ancaman utama Malaysia di samping berhadapan dengan ancaman komunis (1948-1960). Konfrontasi memperlihatkan Malaysia lebih fokus untuk mempertahankan kedaulatannya. Dalam penulisan ini, Konfrontasi cuba dikupaskan dari sudut sejarah dari bawah khususnya situasi yang berlaku di wilayah sempadan Sarawak dan Sabah (sudut pandang tempatan). Konfrontasi adalah cabaran awal Malaysia dalam usah mengekalkan kedaulatannya sebagai satu negara yang baru dibentuk. Walau bagaimanapun usaha menamatkan Konfrontasi ini berjaya menemukan titik pendamaian di bawah payung keserumpunan. Konsep keserumpunan ini turut menjadi jambatan penghubung agar hubungan Malaysia dan Indonesia terus jernih pada pasca konfrontasi. Sejarah telah membuktikan bahawa Sarawak dan Sabah terlebih dahulu diserang oleh tentera Indonesia bermula sebelum dan selepas pembentukan Malaysia lagi. Hak kedaulatan sebuah negara yang merdeka wajar mempertahankan diri dan maruah negara. Hal ini akan menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia di masa hadapan dan tidak hanya disandarkan kepada pasukan pertahanan dan keselamatan sahaja. Akhirnya penulisan ini diharapkan dapat menemukan satu jawapan yang kukuh terhadap permasalahan mengenai Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia lebih menonjol satu bentuk perang kecil yang berlaku di kawasan sempadan Malaysia di Borneo tidaklah dapat dilupakan dalam mengisi kemuliaan nikmat kemerdekaan dan kedaulatan Malaysia. Ketidakjelasan konsep Malaysia dari kaca mata Presiden Sukarno mencetuskan konfrontasi membawa kepada kempen Ganyang Malaysia mengakibatkan perseteruan di antara dua negara ‘serumpum’ ‘sedarah’ dan ‘sedaging’ (Malaysia dan Indonesia).

## Rujukan

- Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, Bilcher Bala. 2016. Konfrontasi Indonesia-Malaysia 1963-1966: Satu Perspektif Sejarah Ketenteraan Malaysia. *Persidangan Sejarah Malaysia & Borneo 2016*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, et al. 2009. Reaksi Masyarakat Sempadan Sabah-Kalimantan Timur (Kaltim) Terhadap Pertempuran Kalabakan 29 Disember 1963: Satu Perspektif Sejarah Sabah. *Prosiding Konfrensi Antara Universiti Se-Borneo kali ke-5: Pengalaman Modernisasi*. Universiti Malaysia Sabah.
- Abdul Rahman Mad Ali @ Abang. 2008. Pertempuran Kalabakan 29 Disember 1963. Latihan Ilmiah. Sekolah Sains Sosial. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Abdul Rahman Bin Mad Ali @ Abang. 2012. Konflik Bersenjata Di Sempadan Sabah-Kalimantan Timur Pada Era Konfrontasi Indonesia-Malaysia 1963-1966. Tesis Sarjana. Sekolah Sains Sosial. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Abdul Rahman Mad Ali @ Abang. 2016. Kalabakan Tawau Bukti Malaysia Mempertahankan Kedaulatannya. *The 10th International Malaysian Studies Conference 2016*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

- Abdul Rahman Mad Ali @ Abang. 2021. Dasar dan Tindak Balas Ketenteraan British di Sarawak dan Sabah Sebelum dan Semasa Konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1961-1966. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Anak Sabah*, 16 September, 1963.
- Antonie, D.C.A. 1973. *In The Spirit of The Red Banteng Indonesia Communists Between Moscow and Peking 1959-1965*. The Hague: Mouton.
- Berita Harian*, 18 September, 1963.
- Bijl, N.V.D. 2007. *Confrontation War With Indonesia 1962-1966*. London: Pen & Sword.
- Cmd. 2094. 1963. *Malaysia Agreement Concluded between the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland, the Federation of Malaya, North Borneo, Sarawak and Singapore*. Presented to Parliament by the Secretary of State for Commonwealth Relations and Secretary of State for the Colonies by Command of Her Majesty July 1963. London: Her Majesty's Stationery Office.
- Cross, J.P.. 1989. *Jungle Warfare Encounters*. London: Armour and Armour Press.
- Daily Express*, 30 Disember, 1963.
- Donald, Hindley. 1964. 'Indonesia Confrontation With Malaysia'. *Asian Survey*. 4(6): 904-913
- Donald, Hindley. 1967. 'Political Power And The October 1965 Coup In Indonesia'. *The Journal of Asian Studies*. 26(2): 237-249.
- Easter, D. 2001. British intelligence and propaganda during the'confrontation', 1963-1966. *Intelligence & National Security*. 16 (2): 83-102
- Fail Konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1963-1966
- Greg-Poulgrain, Jones. 1998. *The Genesis of Konfrontasi:Malaysia Brunei and Indonesia 1945-1965*. Bathurst: Crawford House.
- Harold, Crouch. 1978. *The Army And Politics In Indonesia*. Itihaca And London: Cornell University Press.
- Harold, J. & Shell, S. 1991. *The Underclared War*. London: Leo Cooper.
- Hidayat Mukmin. 1991. *TNI Dalam Politik Luar Negeri: Studi Kasus Penyelesaian Konfrontasi Indonesia-Malaysia*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan.
- Indonesian First Deputy Premer Subandrio. *Intellegence Memorandum*. No.98 3164/65.
- Joseph Chinyong Liow. 2005. Tunku Abdul Rahman and Malaya's Relations with Indonesia 1957-1960. *Journal of Southeast Asian Studies*. 36(1):1-23.
- Kahin, Geoge Mct. 1964. 'Malaysia and Indonesia'. *Pacific Affairs*. 37(3): 253-270.
- Kertas Putih. 1963. *Malaya-Indonesia Relations*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Kertas Putih. 1963. *Malaya-Philippine Relations*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Kertas Putih. 1964. *Indonesian Intentions Towards Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Kertas Putih. 1965. *Indonesian Aggression Against Malaysia*. Kuala Lumpur:Jabatan Cetak Kerajaan.
- Kertas Putih. 1972. *The Threat Of Armed Communism In Sarawak*. Kuala Lumpur:Jabatan Cetak Kerajaan.
- Kertas Putih. P/PEN 10. 1965. *Indonesian Involvement In Eastern Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.

- Kertas Putih. P/PEN 3. 1965. *The Pattern off Indonesian Aggression by Dato' Mohd.Ghazali Bin Shafie*. Kuala Lumpur: Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri.
- Kroef, Justus M. Van Der.(1963). 'Indonesia, Malaya, And The North Borneo Crisis.' *Asian Survey*. 3(4):173-181.
- Kunasselan Muniandy. 1996. *Hubungan Indonesia Malaysia 1957-1967*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mackie, J.A.C., 1974. *Konfrontrasi: The Indonesia Malaysia 1963-1966 Dispute*. London: University Oxford Press.
- Malaysia Report of The Inter-Governmental Committee*. (1962). The Goverment Printing Department: Datuk Liew Sak Siong, Goverment Printer, Sabah, Malaysia.
- Mathew, J. 2002. *Conflic And Confrontation In South East Asia 1961-1965*. Cambridge: University Press.
- Milne, R.S. 1967. *Politics And Government In Malaysia*. Houghton Mifflin, Boston.
- Moktar. 1993. *Malaysia dan Politik Antarabangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- N.B.N. & Sabah Times*, 15 Febuari, 1963.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2000. *Konfrontasi Indonesia Malaysia*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Peter, D. 1991. *SAS The Jungle Frorentier 22 Special Air Special Service Regiment In The Borneo Campaign 1963-1966*. Kuala Lumpur: S.Abdul Majeed.
- Sabah Times*, 16 September, 1963.
- Saravanamuttu. J. 1983. *The Dilemma Policy, Malaysia's Foreginma of Indepence: Two Decades of Malaysia's Foregin Policy, 1957-1977*. Penang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia.
- Smith, E.D. 1985. *Counter Insurgency Operation 1: Malaya And Borneo*. London: Ian Allen.
- Subritzky, J. 2000. *Confronting Sukarno, British, American, Australian and New Zealand Diplomacy in The Malaysian-Indonesian Confrontation 1961-5*. New York: St.Martin's Press.
- Sutter, John O. 1966. Two Faces of Confrontation: Crush Malaysia And The Gestapu. *Asian Survey*. 6(10): 523-546.
- Syed Othman Syed Omar. 1999. *Tentera Malaysia dalam Konfrontasi*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- The Malaysian – Indonesia Conflict*. National Intelligence Estimate. No.54/55-63.
- Thomas M. Carlin. 1994. *Claret The Nature of War And Diplomacy: Special Operations In Borneo 1963-1966*. Carlisle Barracks: Pennsylvania. U.S. Army War College.
- Thomas M.C. 1994. *Claret The Nature of War And Diplomacy: Special Operations In Borneo 1963-1966*, Carlisle Barracks: Pennsylvania. U.S. Army War College.
- Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj. 1980. *Pandang Balik*. Singapore: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Will, F. 2006. *The Secret War With Indonesia 1962-1966*. London: Opsrey